

PM tangani krisis ekonomi dengan terbuka, bertanggungjawab

● Negara perlukan kepemimpinan yang sanggup mengakui hakikat, memanggil semua ke meja perbincangan, meneliti fakta sebenar, mendengar pandangan pakar dan bimbing rakyat dengan penjelasan jujur serta tindakan tersusun

● Kenyataan Perdana Menteri dalam FIM sendiri memperlihatkan kesungguhan beliau mendidik rakyat mengenai hakikat ekonomi. Beliau menegaskan dasar ekonomi mesti dipandu fakta dan penjelasan jelas



Naib Canselor
Universiti Utara
Malaysia (UUM)

Oleh Prof Dr Ahmad Martadha
Mohamed
bhrencana@bh.com.my

Dalam sejarah sesebuah negara, terdapat saat-saat tertentu yang menguji bukan sahaja kekuatan ekonomi, malah kebijaksanaan kepemimpinan, kejujuran pentadbiran dan keutuhan semangat rakyat. Malaysia hari ini sedang melalui salah satu daripada detik penting itu.

Ketika dunia berdepan ketidaktentuan baharu akibat konflik Asia Barat, gangguan rantaian bekalan, lonjakan risiko terhadap harga tenaga serta ancaman inflasi import yang boleh menekan kos sara hidup, negara memerlukan lebih daripada sekadar kenyataan rasmi.

Negara memerlukan kepemimpinan yang sanggup mengakui hakikat, memanggil semua pihak ke meja perbincangan, meneliti fakta sebenar, mendengar pandangan pakar dan seterusnya membimbing rakyat dengan penjelasan jujur serta tindakan tersusun.

Dalam konteks inilah kita melihat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menangani krisis ekonomi ini dengan tahap keseriusan tinggi, keterbukaan untuk mendengar pandangan nyata dan kesediaan untuk bertindak berasaskan fakta.

Apa dipamerkan melalui Forum Ilmuwan MADANI (FIM) anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada 31 Mac serta melalui siri Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) jelas memperlihatkan kerajaan bukan sekadar memerhati perkembangan semasa dari jauh.

Beliau mengakui walaupun prestasi ekonomi negara sebelum ini menunjukkan pencapaian membanggakan, Malaysia kini memasuki suatu wilayah baharu yang tidak menentu atau dalam ungkapan-nya, *uncharted territory*. Lebih penting, Perdana Menteri bukan sekadar mengakui masalah, tetapi memperlihatkan keseriusan pentadbiran melalui tindakan tersusun.

Aspek kedua sangat menonjol ialah keterbukaan PM dalam mengundang kepakaran dan pandangan pelbagai pihak. Dalam FIM itu, beliau tidak memilih untuk bercakap bersendirian seolah-olah semua jawapan hanya berada di tangan politik.

Selain itu, beliau meminta Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan; Gabenor Bank Negara Malaysia, Datuk Seri Abdul Rasheed Ghaffour dan Ketua Ahli Ekonomi Bank Dunia untuk Malaysia, Apurva Sanghi membentangkan perkembangan semasa serta mencadangkan langkah sesuai untuk mengatasi krisis. Tindakan ini menunjukkan kepemimpinan Anwar bersedia membuka pentad-

biran kepada wacana lebih luas, lebih kritikal dan lebih profesional.

Hakikat Perdana Menteri sendiri duduk sebagai moderator, mendengar pembentangan pakar, memberi ulasan selepas setiap sesi dan kemudian membuka ruang soal jawab dengan hadirin adalah sesuatu amat signifikan. Ia membawa mesej dasar ekonomi bukan urusan elitis semata-mata.

Malah, dalam ulasannya selepas pembentangan Gabenor Bank Negara, Perdana Menteri mengakui Perbendaharaan dan Bank Negara tidak semestinya sentiasa mempunyai pandangan sama. Namun, beliau menegaskan perbezaan itu tidak seharusnya menghasilkan percanggahan, sebaliknya perlu diurus melalui perundingan dan penglibatan rapat.

Faham peranan institusi, hormat kepakaran

Sebuah pentadbiran serius meraikan perbezaan pandangan dipandu mandat masing-masing, lalu menyelaraskannya kepada tujuan nasional lebih besar. Dalam hal ini, Perdana Menteri memperlihatkan beliau memahami peranan institusi, menghormati kepakaran dan memastikan semua pihak bergerak dalam satu kerangka koheren.

Kenyataan Perdana Menteri dalam FIM sendiri memperlihatkan kesungguhan beliau mendidik rakyat mengenai hakikat ekonomi. Beliau menegaskan dasar ekonomi mesti dipandu fakta dan penjelasan jelas. Sebab itulah isu RON95 diumumkan lebih awal. Bagi Perdana Menteri, pengakuan terdapat masalah adalah penting agar rakyat tidak dikejutkan secara mendadak apabila langkah tertentu diambil. Namun pada masa sama, beliau menjelaskan

“Perdana Menteri tunjukkan beliau mahu memimpin negara bukan dengan menutup ruang perbincangan, tetapi dengan membukanya; bukan dengan sembunyikan kesukaran, tetapi dengan menjelaskannya dan bukan menyerahkan rakyat kepada ketidaktentuan, tetapi berusaha membina kesiapsiagaan nasional secara bersama”

selepas berbincang dengan PETRONAS dan syarikat minyak, kerajaan mendapati buat sementara waktu beban itu masih boleh ditampung.

Pendekatan ini menunjukkan keseimbangan antara ketelusan dengan tanggungjawab. Rakyat dimaklumkan mengenai cabaran, tetapi kerajaan tetap berusaha menyerap tekanan sedaya mungkin sebelum ia dipindahkan kepada pengguna.

Jawapan Perdana Menteri dalam sesi soal jawab juga memperkukuh lagi gambaran beliau serius dan terbuka. Apabila wakil kumpulan *start-up* dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) membangkitkan soal kos pentadbiran hasil beberapa reformasi seperti e-invois, duti setem kontrak pekerjaan, Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) sewaan komersial dan cukai tertentu yang memberi kesan kepada modal risiko, Perdana Menteri tidak menolak pandangan berkenaan.

Beliau mengakui reformasi memang perlu, tetapi pelaksanaannya juga mesti dinilai semula dari sudut beban ditanggung pemain ekonomi kecil dan sederhana. Malah, beliau memberi bayangan isu e-invois sedang dilihat semula. Sikap ini penting kerana ia menunjukkan keterbukaan kerajaan bukan hanya pada tahap membenarkan orang bercakap, tetapi pada tahap bersedia menilai semula langkah sedia ada.

Dalam forum sama, pembentangan Sanghi pula menambah satu dimensi penting kepada perbincangan. Beliau menggariskan tiga bidang perlu diberi fokus oleh Malaysia untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi jangka panjang, iaitu mempercepat peralihan tenaga pintar, menjadikan Malaysia hab pelancongan serantau dan menarik aliran modal sambil membangunkan sektor pengurusan kekayaan.

Apa yang menarik di sini ialah reaksi Perdana Menteri terhadapnya. Beliau secara terbuka menyatakan pembentangan itu memberi bahan berguna untuk dibawa ke mesyuarat Kabinet keesokan harinya. Ini sekali lagi menunjukkan forum berkenaan bukan tempat untuk pidato kosong. Ia menjadi saluran sebenar bagi idea, teguran dan cadangan dibawa masuk ke ruang pembuatan keputusan tertinggi kerajaan.

Berdasarkan semua ini, terbukti Perdana Menteri menunjukkan beliau mahu memimpin negara bukan dengan menutup ruang perbincangan, tetapi dengan membukanya; bukan dengan menyembunyikan kesukaran, tetapi dengan menjelaskannya dan bukan menyerahkan rakyat kepada ketidaktentuan, tetapi berusaha membina kesiapsiagaan nasional secara bersama.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH